

**NO. SOALAN:373**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN  
NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS ]**

**SOALAN :**

**YB TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR  
MAS] minta PERDANA MENTERI menyatakan langkah bagi  
mengurangkan jurang kemiskinan bandar-luar bandar yang tidak banyak  
menunjukkan banyak perubahan seperti yang ditunjukkan GINI  
Coefficient.**

**JAWAPAN: Y.B SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID B. OMAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pekali Gini digunakan untuk mengukur ketidakseimbangan pendapatan di antara dua kumpulan berbeza di satu kawasan yang sama, misalnya di antara isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40) dan isi rumah berpendapatan 20 peratus tertinggi di kawasan bandar. Bagi melihat jurang di antara dua kawasan yang berbeza, ukuran nisbah ketaksamaan pendapatan lebih sesuai digunakan. Di negara kita, jurang pendapatan di antara luar bandar dan bandar telah berkurang daripada 1:2.14 pada tahun 1970 kepada 1:1.85 pada tahun 2009 dan seterusnya kepada 1:1.78 pada tahun 2014.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi mengurangkan jurang kemiskinan di antara bandar dan luar bandar, Kerajaan akan terus melaksanakan pendekatan pembangunan secara inklusif bagi memperluaskan keupayaan rakyat dalam Rancangan Malaysia Kesebelas. Tumpuan akan terus diberikan untuk meningkatkan penyertaan isi rumah berpendapatan 40 peratus terendah (isi rumah B40), termasuk isi rumah miskin dalam aktiviti ekonomi tanpa mengira gender, etnik, status sosioekonomi dan kedudukan geografi. Inisiatif utama termasuk:

- **Pertama: Meningkatkan pendapatan dan kekayaan isi rumah B40** dengan mengurangkan kadar keciciran pelajar dalam

kalangan isi rumah B40; memastikan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran tinggi; meningkatkan produktiviti dengan menggalakkan penggunaan teknologi moden; meningkatkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi; meningkatkan sokongan keusahawanan secara bersepadu; membangunkan perusahaan berasaskan komuniti dan sosial; menggalakkan pelaburan di kawasan majoriti isi rumah B40; dan memperluas program pelaburan bagi meningkatkan pemilikan kekayaan; dan

- Kedua: **Menangani kos sara hidup yang meningkat** dengan memperkukuh pemantauan dan penguatkuasaan peraturan berkaitan kawalan harga; meningkatkan penyediaan rumah mampu milik; meningkatkan perkhidmatan penjagaan kesihatan; memperkenalkan sistem jaringan perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif; dan meningkatkan program pengurusan kewangan dan hutang.

Sekian. Terima kasih.